

Pembinaan Alat Bantu Mengajar Topik Makhraj Menggunakan Teknologi Rakaman Pengimejan Resonans Magnetik (MRI)

Nur Afni Najihah Mohammad¹, Alya Humairaa Mohd Zairul Azhar¹, Mohd Zamrus Mohd Ali^{1*}

¹ Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*Corresponding author: zamrus@usim.edu.my

ABSTRAK

Pengajaran makhraj dan tajwid dalam subjek Pengajian Agama Islam adakalanya membosankan dan kurang diambil berat. Antara isunya ialah kurang bahan bantu mengajar, kurang kemahiran guru dan cara pengajaran yang hanya menggunakan buku teks. Lebih meningkatkan tahap kebosanan murid ialah apabila tiada kreativiti dalam penyampaian topik makhraj dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Oleh kerana perkembangan hari ini dalam bidang teknologi maka topik makhraj wajar ditambah baik dengan penyediaan alat bantu yang menggabungkan teknologi maklumat. Integrasi antara ilmu naqli (wahyu) dan ilmu aqli (sains empirikal) dalam penyediaan alat bantu dapat mengatasi masalah kebosanan hingga boleh menjejaskan kualiti kefahaman murid. Berdasarkan metodologi kajian kualitatif, instrumen yang akan dibangunkan memberi fokus kepada rakaman Pengimejan Resonans Magnetik 'Magnetic Resonans Imaging' (MRI) yang telah dirakam oleh sekumpulan penyelidik dari Universiti Sains Islam Malaysia. Hasil kajian awal mendapati bahawa alat bantu mengajar ini dijangka membantu peningkatan minat murid-murid dan kefahaman. Kesimpulan awal kajian ini mengharapkan semua guru yang mengajar topik makhraj dalam tajwid menggunakan instrumen ini di sekolah-sekolah dan Kolej PERMATA Insan perlu mencadangkan kepada Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerapkan alat ini di peringkat sekolah di seluruh negara.

Kata kunci: teknologi imej MRI dalam makhraj, isu pengajaran makhraj, INAQ dalam pengajaran makhraj dan tajwid

PENDAHULUAN

Makhraj adalah tempat keluarnya sesuatu huruf hijaiyyah. Ia adalah termasuk dalam ilmu tajwid khususnya dipraktikkan dalam solat dan ketika membaca Al-Quran kerana hukum membaca bertajwid ialah fardhu ain (wajib). Bagi para pendidik yang mengajar topik ini sudah tentu cara pengajaran mereka berbeza-beza. Berdasarkan kajian-kajian lepas, terdapat pelbagai penyelidikan dijalankan tentang metodologi pembacaan bertajwid khususnya Al-Quran. Menurut Abdul Raof (1998) cara yang berkesan ialah gabungan pelbagai aktiviti pengajaran yang melibatkan strategi pendekatan, kaedah dan teknik. Mohd Aderi dan Rohani (2009) mendapati bahawa guru-guru yang mengajar Pendidikan Islam wajar meningkatkan kemahiran pengajaran Tilawah al-Quran dengan kaedah yang paling efektif agar murid dapat menguasai subjek tersebut dengan berkesan. Pelaksanaan pembelajaran Al-Quran dan tajwid perlu menarik minat para pelajar. Setiap kaedah dan teknik Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) perlu sentiasa diperbaharui dan dikembangkan sesuai dengan situasi dan perkembangan semasa ditambah pula dengan perkembangan dan teknologi kepada pembaharuan teknik penyampaian dalam bilik kuliah (Maimun Aqsha & Ismail Suardi 2007).

Namun begitu permasalahan yang berlaku akibat murid hilang tumpuan turut disebabkan cara guru mengajar turut diperolehi seperti kajian Ngali (1990), Mohd Aderi dan Rohani (2009). Mereka memberi alasan disebabkan oleh cara guru menerangkan dan menggunakan bahan pengajaran yang membosankan. Begitu juga dalam kajian Misnan (2006) yang beliau kenalpasti ialah masih ramai pelajar yang tidak boleh membaca al-Quran dengan betul, pelajar kurang berminat mempelajari al-Quran, guru tidak mempelbagaikan kaedah pengajaran al-Quran dan penggunaan alat bantu mengajar dalam PdP Al-Quran masih rendah. Dengan ini ketara menunjukkan bahawa alat bantu mengajar memainkan peranan penting dalam menyelesaikan isu pengajaran makhraj Al-Quran. Kajian mendapati bahawa kebanyakan buku teks yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan kebanyakan buku tajwid, imej lukisan atau grafik digunakan untuk menggambarkan kedudukan makhraj. Para guru pula menjadikan buku-buku dan rakaman video dalam media massa seperti Youtube dan sebagainya untuk mencari alternatif terbaik.

Terdapat kajian yang melibatkan pelaksanaan terapi pertuturan dengan konsultasi dan kolaborasi pegawai pemulihan perubatan mampu memberi impak positif kepada mereka yang ingin mendapatkan rawatan pertuturan (Aina Nurfasya Ramli dan Rosadah Abd Majid, 2021). Hal ini memberi idea untuk menggunakan medium teknologi perubatan sebagai alat bantu mengajar (ABM) khususnya melibatkan topik makhraj. Hal ini merupakan integrasi ilmu naqli dan aqli (INAQ) dalam penyediaan alat bantu mengajar untuk topik makhraj. Bagi memastikan pergerakan bacaan Al-Quran dapat dilihat oleh murid maka pasukan penyelidik dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan menggunakan rakaman imej MRI yang telah dibangunkan. Dengan pendekatan MRI ini, para pendidik boleh manfaatkannya untuk mengajar membaca Al-Quran dengan lebih baik. Hal ini juga dapat membantu murid yang sukar membaca ayat-ayat Al-Quran seperti gagap atau mempunyai masalah lidah atau juga tidak dapat meletakkan kedudukan lidah dengan betul.

Kajian ini bertujuan memperkenalkan idea penggunaan imej MRI dalam topik makhraj kepada para guru, individu yang berminat dan kepada kumpulan penyelidik yang lain. Sering diperkatakan faktor murid tidak berupaya memahami topik makhraj adalah kerana kaedah penerangan guru atau bahan mengajar yang tidak mencukupi. Namun mungkin terdapat faktor lain seperti alternatif bahan mengajar tidak menarik minat murid. Selain itu kajian ingin meneliti penerimaan murid sekiranya imej MRI ini diperkenalkan sebagai salah satu alat bantu dalam kelas ketika topik makhraj. Penerimaan murid berkemungkinan menerima dan menolak juga akan dinilai berdasarkan alasan yang dikemukakan kelak sebagai penambahbaikan kepada imej yang telah disediakan.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kaedah kualitatif dan ia dipilih kerana pengkajian ini tidak melibatkan teknik statistik serta penemuan yang dihasilkan hanya idea dan tidak melalui prosedur statistik atau cara pengkuantitian yang lain. Penjelasan terperinci berhubung kaedah penyelidikan yang diguna pakai dalam kajian ini diuraikan melalui kaedah penganalisan teks, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan data. Ini dilihat lebih sesuai untuk menjadikan kajian ini boleh dimanfaatkan dalam kajian-kajian yang akan datang melalui artikel, jurnal dan bahan penerbitan yang berkaitan dengan kajian makhraj dan alat bantu mengajar dengan teknologi imej MRI.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Adalah tidak dinafikan bahawa metod talaqqi dan musyafahah iaitu melalui pengajaran secara bersemuka dengan melihat pergerakan mulut guru adalah contoh terbaik yang perlu dicontohi sebagaimana proses pembelajaran Al-Quran antara malaikat Jibril dengan Rasulullah SAW. Ia merupakan metod yang asas untuk meniru bacaan daripada seorang guru dan dipindahkan cara bacaan tersebut kepada murid. Firman Allah dalam Al-Quran:


فَإِذَا قَرَأَهُ فَأَتَّبِعْ قُرْآنَهُ

Maksudnya: *"Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu"* (Surah al-Qiyamah 75:18)


Berdasarkan kajian oleh Shah Rizul Izyan Zulkipli, Noornajihan Jaafar, Nurul Asiah Fasehah Mohammad, Shamsul Hakem (2021), pendekatan Rasulullah merupakan pendekatan yang terbaik dalam membina hubungan dengan manusia. Malah dalam pendidikan, seharusnya para guru merujuk dan mengutamakan pendekatan Rasulullah. Antara kaedah yang digunakan oleh Nabi ialah talaqqi dan musyafahah. Kaedah talaqqi musyafahah yang menunjukkan kedudukan lidah dilakukan dengan melihat imej bergambar, melihat pergerakan bibir atau mendengar guru adalah merupakan teknik asas terutama kepada golongan pelajar tajwid. Ini merupakan kaedah tradisional malah merupakan cara mudah untuk mendapatkan pelajar menyebutnya dengan betul semasa membaca Al-Quran. Namun cara ini mengakibatkan banyak batasan seperti melibatkan kekeliruan untuk menentukan kedudukan lidah kerana tidak dapat melihat dengan jelas dan mengambil masa yang lama untuk menerangkannya secara terperinci. Selain itu, masalah guru membetulkan bacaan murid kerana tidak dapat melihat kedudukan lidah murid.

El-Muhammady (1991) menyatakan bahawa Kitab Al-Quran merupakan setinggi-tinggi anugerah kurniaan Allah SWT kepada hamba-Nya (termasuk manusia dan jin) yang mesti dibaca dengan betul terutama surah Al-Fatihah dengan memelihara makhraj serta tajwidnya agar tidak tersasar maknanya. Keperluan kepada pembacaan Al-Quran yang sebegini merupakan tuntutan fardu 'ain iaitu kewajipan ke atas individu Muslim yang mesti dilaksanakan. Namun menjadi fardu kifayah kepada mana-mana kumpulan umat Islam untuk mengajar membaca Al-Quran kepada masyarakat Islam lainnya.

Oleh itu umat Islam dianjurkan sedaya upaya untuk membaca dengan kaedah yang betul dari segi sebutan huruf, makhraj seperti bacaan dalam solat. Sebab itu juga kajian ini memperkenalkan pendekatan imej MRI dengan melihat bagaimana pergerakan makhraj huruf pada kedudukan yang tepat. Hal ini bagi mengelakkan kesilapan dalam pembacaan yang boleh mengubah maksud ayat Al-Fatihah yang dibaca.



Rajah 2. Contoh imej makhraj yang terdapat dalam buku tajwid Pendidikan Agama Islam Tingkatan 1.



Rajah 2. Contoh imej MRI yang telah digabungkan dengan suara dan dijadikan video.

KESIMPULAN

Melalui hasil kajian ini diharapkan akan membantu para pendidik dalam bidang Al-Quran untuk menjadikan ia sebagai alat bantu mengajar (ABM) alternatif dalam bilik darjah. Dengan melihat imej penyebutan huruf al-Quran yang telah dijadikan video akan memberi hasil yang lebih baik dan dapat membantu mereka menerangkan makhraj dengan mudah. Selain itu, institusi pendidikan seperti sekolah dapat memanfaatkan teknologi perubatan iaitu penggunaan MRI malah ia diintegrasikan dengan subjek al-Quran. Hasil kajian ini akan menyumbang dalam memenuhi hasrat kerajaan dalam pendidikan negara melalui Rancangan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Sebagaimana objektif utama Pendidikan 2030 adalah untuk memastikan pendidikan berkualiti inklusif dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua.

PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana menganugerahkan geran Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2021/SSIO/USIM/03/4) kepada pasukan penyelidik yang melibatkan murid serta pensyarah di Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia. Pasukan penyelidik juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang menghulurkan bantuan sepanjang kajian ini dilaksanakan antaranya ialah Universiti Sains Malaysia, Hospital Universiti Sains Malaysia dan tidak lupa kepada Klinik Pakar Universiti Sains Islam Malaysia serta semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul Raof Dalip. 1998. Teknik Pengajaran dan Pembelajaran Agama Islam di Sekolah Menengah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- El-Muhammady, A. H. 1991. Pendidikan Islam: Falsafah, disiplin dan peranan pendidik. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam.
- Maimun Aqsha Lubis & Ismail Suardi Wekke. 2007. "Inovasi Teknik Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran dalam Bilik Kuliah". Kertas Kerja. 1st International Malaysian Education Technology Convention. Dari <http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/listseminar/20.Konvention TP2007-20/pdf/volume2/138-maimun.pdf>.
- Misnan Jemali. 2006. "Tahap Pencapaian Penguasaan al-Quran Dalam Kalangan Pelajar di Perak. Kajian Cuti Sabatikal". Tanjung Malim: UPSI.
- Mohd Aderi Che Noh dan Rohani Ahmad Tarmizi. (2009). Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Tilawah al-Quran. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1) (2009), 93-109.
- Ngalim Purwanto. (1990). Psikologi Pendidikan. Bandung: Rosdakarya.
- Ramli, A., & Abd Majid, R. 2021. "Pelaksanaan Terapi Pertuturan Kepada Murid Bermasalah Pembelajaran". *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 475-486.
- Shah Rizul Izyan Zulkiply, Noornajihan Jaafar, Nurul Asiah Fasehah Mohammad, Shamsul Hakem. 2017. "Pendekatan Pengajaran Al-Quran Buat Warga Emas Menurut Hadith Rasulullah". *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah* Vol. 18, No. 1, (2022), pp. 1-18.